

LATIHAN KATA SENDI NAMA
(pada, oleh, akan, daripada, dari, di)

Pilih kata sendi nama yang betul bagi ayat berikut.



1. Soalan peperiksaan Bahasa Melayu tahun ini lebih senang _____ tahun lepas.
2. Kucing Siam yang dihadiahkan _____ Kak Noni itu sangat comel.
3. Kapal terbang WX773 telah berlepas _____ Taiwan menuju ke Malaysia.
4. Kita hendaklah sayang _____ kedua-dua ibu bapa kita.
5. Kebanyakan pekerja di tapak pembinaan itu berasal _____ kawasan pedalaman Sarawak.
6. Kelly menyorok _____ belakang pokok kerana takut _____ orang gila itu.
7. Buku nota yang dibeli tadi ada _____ Leong Man.
8. Tabung yang unik itu diperbuat _____ tempurung kelapa.
9. Pasar raya itu akan dibuka _____ hari Sabtu.
10. Pembinaan rumah kos sederhana itu akan dilaksanakan _____ Syarikat Seri Maju Sendirian Berhad.